



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***BAHASA SEBAGAI CERMINAN NILAI HATI BUDI
MELAYU DARI SUDUT MEDAN SEMANTIK***

ROZITA BINTI CHE RODI

FBMK 2013 21



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**BAHASA SEBAGAI CERMINAN NILAI HATI BUDI
MELAYU DARI SUDUT MEDAN SEMANTIK**

ROZITA BINTI CHE RODI

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2013



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**BAHASA SEBAGAI CERMINAN NILAI HATI BUDI MELAYU DARI SUDUT
MEDAN SEMANTIK**



Oleh

ROZITA BINTI CHE RODI

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

April 2013

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Buat insan yang selalu ada...

Yang senantiasa menadah tangan, menepis tiap airmataku...

Tatkala payah dan jerih melewati noktah penulisan ku ini...

Aku... kalian... dan DIA... yang mengetahui segalanya...

(Aku gantikan setiap titis airmata kalian dengan kejayaan ini...)

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**BAHASA SEBAGAI CERMINAN NILAI HATI BUDI MELAYU DARI SUDUT
MEDAN SEMANTIK**

oleh

ROZITA BINTI CHE RODI

April 2013

Pengerusi : Profesor Hashim Hj Musa, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan pemaknaan bagi keseluruhan 26 komponen teras hati budi Melayu (HBM) yang telah dikemukakan oleh Hashim Hj Musa (2008a), tetapi dengan melakukan huraian secara mendalam tentang makna asasi dan makna perkaitan keseluruhan komponen itu dan mengenal pasti beberapa kata fokus sebagai paksi penumpuan maknanya. Kajian lepas memperlihatkan kebanyakan pengkaji hanya menggunakan pendekatan konseptual, statistik dan teoretikal semata-mata dalam memaparkan hasil kajian. Di samping itu, hampir keseluruhan kajian yang diteliti merupakan hasil daripada persepsi dan penyimpulan pengkaji itu berdasarkan teks serta bentuk puisi tertentu ataupun mengedarkan soal selidik kepada masyarakat Melayu. Seterusnya, kesimpulan tentang beberapa sifat keperibadian Melayu dinyatakan secara umum dan tidak menghuraikan secara saintifik makna asasi dan makna perkaitan setiap sifat itu.

Oleh demikian, pengkajian ini tertumpu kepada proses mengenal pasti kata fokus yang menjadi paksi penumpuan makna dalam pembentukan 26 komponen teras HBM, menginterpretasi kata kunci yang mengelilingi setiap kata fokus yang dikenal pasti dan menjelaskan jalinan perkaitan makna setiap kata kunci yang mengelilingi kata fokus yang membentuk lingkungan konsepsi sehingga menubuhkan medan semantik bagi 26 komponen teras HBM. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah pengumpulan data, iaitu melalui kaedah kepustakaan, dan seterusnya kaedah analisis data, iaitu kaedah analisis teks dengan pendekatan analisis medan semantik, khususnya terhadap konsep kata fokus dan kata kunci yang membawa kepada pembentukan lingkungan konsepsi sehingga membawa pula kepada penubuhan medan semantik bagi 26 komponen teras HBM itu.

Penganalisan data dibuat berdasarkan Teori Medan Semantik yang dipelopori oleh J. Trier (1931). Walau bagaimanapun, pengaplikasian Teori Medan Semantik yang sebenar menggunakan model analisis (*analytical model*) yang dibangunkan oleh T. Izutsu (1964) untuk mengkaji kata kunci utama yang terdapat dalam teks al-Quran berkaitan dengan *weltanschauung* atau pandangan alam semesta. Seterusnya, dengan menggunakan teori yang sama pula, Syed M. Naquib al-Attas (1970) telah menganalisis fahaman tasawuf atau mistisisme Hamzah Fansuri, iaitu seorang ulama dan ahli sufi Melayu yang hidup pada akhir abad ke-16 Masihi.

Hasil kajian menggunakan pendekatan teori medan semantik telah menemukan empat kata fokus sebagai paksi penumpuan makna 26 komponen teras HBM. Kata fokus itu ialah “agama”, “didikan”, “ilmu” dan “nilai” yang menggambarkan kehadirannya yang

paling kuat dalam pembentukan struktur pengkonsepsian masyarakat Melayu, tentang realiti, iaitu tentang alam semestanya (konsep kosmologi) dan tentang kejadian dan kewujudan diri manusia, termasuk juga hakikat wujud itu sendiri (konsep ontologi), dan tentang nilai (konsep aksiologi).

Selain itu, penginterpretasian dan penjelasan berhubung makna setiap istilah atau disebut kata kunci yang menunjangi keseluruhan komponen itu telah membantu masyarakat mengetahui bahawa fungsi sesuatu istilah atau ungkapan itu sebagai cerminan hati budi masyarakat Melayu mencakupi segala aspek dalam sesuatu bahasa. Selain itu, sebanyak 41 kata kunci yang dikenal pasti mendasari pembentukan 26 komponen teras HBM telah dianalisis berdasarkan makna asasi dan makna perkaitannya. Hasil daripada penginterpretasian itu telah membentuk lingkungan konsepsi dan seterusnya membawa kepada penubuhan medan semantik bagi keseluruhan 26 komponen teras HBM. Kajian ini telah berjaya merungkai sesuatu konsep dalam bahasa yang berkemungkinan sukar difahami maknanya secara menyeluruh, iaitu dari segi definisi, makna asasinya dan lingkungan konsepsinya, tetapi melalui penubuhan medan semantik dapat menjelaskan keseluruhan pembentukan 26 komponen itu sebagai cerminan nilai hati budi masyarakat Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**LANGUAGE AS THE EXPRESSION OF THE MALAY PSYCHE
FROM THE ASPECT OF SEMANTIC FIELD**

by

ROZITA BINTI CHE RODI

April 2013

Chairman : Professor Hashim Hj Musa, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The purpose of this study is to clarify the definition of 26 core components of the Malay social character traits or the Malay psyche or 'hati budi Melayu' (HBM) as proposed and described by Hashim Hj Musa (2008a). However, in this study clarification of those 26 components of their basic and relational meanings are done that lead consequently to the identification of key and focus words and the establishment of semantic fields of those components. The literature reviews on the past studies on the subject whether in the forms of textual studies on prose and poetic genres or survey method, showed that many researchers merely used conceptual, statistical and theoretical approaches to expound their findings on the Malay social character traits, without delving deeply into the definition of those terms that describe the Malay social character traits or the Malay psyche, and without identifying key and focus word of those traits.

Hence, this present study seeks to identify, initially, the focus words of those 26 components of the Malay psyche that become the axis of several conceptual spheres, and

subsequently to identify key words that surround the focus words on the basis of their relational meanings that make up those conceptual spheres. These are done, firstly, by making definition of the basic meaning of those key words and then making definition of their relational meanings that will subsequently form their conceptual spheres. The research methodology consist of data collection using library research, and then the data analysis which is based on the textual analysis using the semantic field approach, particularly in the identification of focus and key words which form conceptual spheres that subsequently lead to the formation of semantic fields.

Data analysis is based on the semantic field theory that was introduced by J. Trier (1931). The theory then was used by T. Izutsu (1964) to study the key words in al-Quran related to Quranic *weltanschauung*. Syed M. Naquib al-Attas (1970), used the semantic field model as applied by T. Izutsu, to make a study on the mysticism of Hamzah Fansuri, a Malay Islamic religious scholar and a mystic of late 16th Century.

The findings of the present study using the semantic field theory analysis, is that there are four focus words that become the axis of the 26 components of the Malay psyche, namely “religion”, “education”, “knowledge”, and “values”. These four words represent powerful definitive conceptual frameworks that make up the concepts of cosmology, ontology and axiology among the Malay society.

These four focus words also form the axis of the formation of the four semantic fields of the Malay psyche. Moreover, this study has established that there are 41 key words that become the basis of the 26 components of the Malay psyche. These key word also make

up the four semantic fields. The interpretation and definition of every key word will enhance the readers' deeper understanding of the Malay psyche as those key words expressed them definitively and accurately.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang
Selawat dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW

Dengan penuh lafaz kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya dapat akhirnya tesis ini disempurnakan. Tesis ini amat penting sebagai memenuhi syarat untuk memperoleh ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Pada kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ingin ditujukan kepada beberapa individu yang dirasakan berperanan cukup besar dalam membantu menyempurnakan penulisan tesis ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Profesor Dr. Hashim bin Hj Musa selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa tekun dan sabar dalam memberi bimbingan, tunjuk ajar, panduan dan semangat sehingga penulisan tesis ini berjaya disempurnakan dengan sebaiknya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan khas buat Profesor Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz dan Profesor Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan yang tidak putus-putus setiap kali diperlukan. Semoga segala ilmu yang dicurahkan ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan hanya Allah SWT jua yang mampu membalas segala usaha, bimbingan dan budi baik kalian dalam memberikan bimbingan sepanjang proses menyempurnakan penulisan tesis ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih ini ditujukan kepada pihak pengurusan Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, Perpustakaan Za'ba UM, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia serta pengurusan Wisata Minda, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM kerana memberikan sepenuh kerjasama dan komitmen yang baik untuk pengkaji mendapatkan bahan-bahan rujukan berkaitan dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga, ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah menawarkan Program Pembiayaan MyPhD di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Tajaan dari pihak KPT telah membantu pengkaji dari aspek kewangan sepanjang pengajian ini.


Sekalung tinta kasih ditujukan teristimewa buat ayahanda dan bonda tercinta, Che Rodi Hj. Harun dan Aripah Hj. Jusoh serta selaut kasih buat kekanda Che Rozaimah, Zainuddin, Nor Hasliza, Shahrizan, Sahrulaini dan adinda Muhammad Amirul Fikri yang sentiasa mendoakan kejayaan ini. Buat teman-teman yang sentiasa ada, juga dipipiskan segala rasa ini buat kalian. Sesungguhnya kejayaan ini merupakan kejayaan kalian semua.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Allah SWT jua yang akan membalas segala pengorbanan kalian. Wassalam.

Rozita binti Che Rodi
GS25011

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



ROZITA BINTI CHE RODI

Tarikh: 22 April 2013

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
PENGESAHAN	xi
KELULUSAN	xii
PERAKUAN	xiii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xxi
BAB	
I PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	14
1.3 Objektif Kajian	20
1.4 Kepentingan Kajian	20
1.5 Batasan Kajian	24
1.6 Definisi Operasional	28
1.6.1 Hati Budi Melayu (HBM)	28
1.6.2 Medan Semantik	30
1.6.3 Kata Fokus	32
1.6.4 Kata Kunci	33
1.6.5 Jalinan Perkaitan Makna	34
1.6.6 Lingkungan Konsepsi	35
1.7 Kesimpulan	35
II SOROTAN LITERATUR	37
2.1 Pengenalan	37
2.2 Sorotan Kajian tentang Hati Budi Melayu	38
2.3 Sorotan Kajian tentang Analisis Medan Semantik	81
2.3.1 Kajian “ <i>God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung</i> ” oleh T. Izutsu (1964)	82
2.3.2 Kajian “ <i>The Mysticism of Hamzah Fansuri</i> ” oleh Syed M. Naquib Al-Attas (1970)	85
2.3.3 Kajian “ <i>Teori Konseptual Kata Kunci</i> ” oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2007)	88
2.3.4 Kajian “ <i>Semantik Moden</i> ” dalam buku <i>Lingusitik Am: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu</i> oleh Abdullah Hassan (2007)	91
2.4 Kesimpulan	92

III	METODOLOGI KAJIAN	96
3.1	Pengenalan	96
3.2	Reka Bentuk Kajian	96
3.3	Konsep dan Kerangka Teori	100
3.4	Pendekatan Kajian	110
3.5	Kaedah Kajian	111
3.5.1	Kaedah Pengumpulan Data	112
3.5.1.1	Kaedah Kepustakaan	112
3.5.2	Kaedah Analisis Data	112
3.5.2.1	Kaedah Analisis Teks	112
3.6	Tatacara Kajian	113
3.7	Data Utama Kajian	115
3.8	Penganalisan Data	117
3.9	Kerangka Konsepsi Kajian	119
3.10	Kesimpulan	120
IV	KATA FOKUS SEBAGAI PAKSI PENUMPUNAN MAKNA 26 KOMPONEN TERAS HATI BUDI MELAYU	122
4.1	Pengenalan	122
4.2	Kata Fokus yang Mendasari Pembentukan dalam Keseluruhan Komponen Teras HBM	122
4.3	Pembahagian Komponen Hati Budi Melayu berdasarkan Kata Fokus	125
4.3.1	Kata Fokus “Agama”	125
4.3.2	Kata Fokus “Didikan”	130
4.3.3	Kata Fokus “Ilmu”	136
4.3.4	Kata Fokus “Nilai”	141
4.4	Jadual Kata Fokus dengan Padanan Komponen Teras Hati Budi Melayu	150
4.5	Kesimpulan	152
V	INTERPRETASI MAKNA ASASI BAGI SETIAP KATA KUNCI DALAM KOMPONEN TERAS HATI BUDI MELAYU	153
5.1	Pengenalan	153
5.2	Kata Kunci dalam Komponen Teras Hati Budi Melayu	154
5.3	Pengenalpastian Kata Kunci dalam Komponen Teras Hati Budi Melayu	156
5.4	Interpretasi Makna Asasi Kata Kunci dalam Pembentukan Komponen Teras Hati Budi Melayu	165
5.4.1	Makna Asasi setiap Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Agama” dalam Pembentukan Komponen Teras HBM	166
5.4.1.1	Hukum Syara` dan Kitabullah	167
5.4.1.2	Mensyukuri Nikmat dan Berkat	171

5.4.2	Makna Asasi setiap Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Didikan” dalam Pembentukan Komponen Teras HBM	173
5.4.2.1	Budi dan Pekerti	174
5.4.2.2	Taat dan Bakti	175
5.4.2.3	Pemimpin dan Adil	176
5.4.2.4	Bangsa, Bahasa dan Adat	182
5.4.2.5	Kebajikan	187
5.4.3	Makna Asasi setiap Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Ilmu” dalam Pembentukan Komponen Teras HBM	188
5.4.3.1	Maruah	189
5.4.3.2	Benar	190
5.4.3.3	Kemampuan Diri	193
5.4.3.4	Memanfaatkan Waktu	194
5.4.3.5	Memandang Jauh	195
5.4.4	Makna Asasi setiap Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Nilai” dalam Pembentukan Komponen Teras HBM	196
5.4.4.1	Tekun dan Sabar	197
5.4.4.2	Muafakat dan Kewajipan	207
5.4.4.3	Hemat Cermat	209
5.4.4.4	Tuah dan Malu	210
5.4.4.5	Bertanam Budi	214
5.4.4.6	Bermurah Hati	215
5.4.4.7	Mengasihi dan Menyayangi	216
5.4.4.8	Akhlak	219
5.4.4.9	Tulus Ikhlas	222
5.4.4.10	Berani	226
5.4.4.11	Jujur	228
5.4.4.12	Berbaik Sangka	231
5.4.4.13	Menjauh Sengketa	231
5.4.4.14	Amanah	232
5.4.5	Makna Asasi Kata Kunci Utama sebagai Paksi Penumpuan Makna dalam Pembentukan Komponen Teras HBM	238
5.5	Kehadiran Kata Kunci berdasarkan Kata Fokus dengan Padanan Komponen Teras Hati Budi Melayu	239
5.6	Kesimpulan	244
VI	JALINAN PERKAITAN MAKNA KATA KUNCI YANG MENGELILINGI KATA FOKUS BAGI PENUBUHAN MEDAN SEMANTIK KOMPONEN TERAS HATI BUDI MELAYU	247
6.1	Pengenalan	247
6.2	Jalinan Perkaitan Makna antara Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus	248

6.2.1	Jalinan Perkaitan Makna antara Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Agama”	248
6.2.2	Jalinan Perkaitan Makna antara Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Didikan”	271
6.2.3	Jalinan Perkaitan Makna antara Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Ilmu”	275
6.2.4	Jalinan Perkaitan Makna antara Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Nilai”	280
6.3	Penubuhan Medan Semantik berdasarkan Empat Kata Fokus	284
6.3.1	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Agama”	284
6.3.2	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Didikan”	285
6.3.3	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Ilmu”	286
6.3.4	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Nilai”	287
6.4	Implikasi Dapatan Kajian	289
6.5	Kesimpulan	290
VII	RUMUSAN DAN CADANGAN	292
7.1	Pengenalan	292
7.2	Rumusan	292
7.3	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	299
7.4	Penutup	301
	BIBLIOGRAFI	302
	BIODATA PELAJAR	313
	SENARAI PENERBITAN	314